

# Siswa diminta perjelas tuduhan tidak berasas

4M 23NOV1999

4

**K**UALA LUMPUR 22 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta pelajar universiti menjelaskan kepada ibu bapa dan rakan masing-masing kedudukan sebenar tuduhan tidak berasas yang dilemparkan terhadap kerajaan.

Perdana Menteri berkata, beliau percaya ramai kalangan pelajar sudah "cehik mata" dan menerima penjelasan isu-isu tertentu

terutama pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Saya minta penuntut universiti main peranan untuk jelaskan apa yang benar (kerana) kita tidak ajar berbohong.

"Sila berikan penjelasan kepada ibu bapa dan kawan-kawan supaya tidak buat kesilapan memilih parti lawan," kata beliau berucap pada pertemuan dengan jentera petugas pilihan raya Barisan Nasional (BN) Wilayah Perseku-

tuan di Kompleks Sukan Bangsar di sini, hari ini.

Dr. Mahathir yang juga Pengerusi BN membuat kenyataan tersebut apabila mendapati perjumpaan itu turut dihadiri oleh kumpulan anak muda dari sekitar ibu negara.

"Buat satu ketika saya terkejut kerana mungkin mereka kumpulan *protest* (pembantah) universiti terhadap Shahrizat Abdul Jalil atau mereka sokong calon Keadilan di sini. Tetapi

alhamdulillah, mereka sokong Shahrizat," katanya.

Datuk Shahrizat Abdul Jalil merupakan calon BN Lembah Pantai yang akan ditentang oleh calon Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Zainur Zakaria pada pilihan raya umum Isnin ini.

Perdana Menteri yang menyifatkan tindakan kumpulan anak muda berkenaan sebagai berani, percaya ada penuntut univer-

siti yang tidak berhasrat menentang kerajaan.

"Oleh kerana mereka dikecam hebat, ramai mereka dicap pasif dan tidak berani, tetapi berani tunjukkan sokongan mereka kepada kerajaan, syabas saya ucapkan," katanya disambut tepukan gemuruh hadirin.

Dr. Mahathir berkata, pelajar universiti yang tidak menyokong kerajaan mungkin telah diberi maklumat salah.

"Mereka masuk universiti kerana kita mengharapkan mereka dapat hidup baik. Kerajaan tidak suka ganggu pertentangan politik sebab itu kita tidak pergi ke universiti untuk mendapatkan sokongan," katanya.

Malangnya, kata Perdana Menteri, parti lawan "pergi" ke universiti dan dengan itu kerajaan gagal untuk mengeluarkan penuntut yang cemerlang.

"Kita tidak ada niat ganggu (pelajar) tetapi oleh kerana kita tidak ganggu, parti lawan hantar penghias mereka dan pelajar yang tidak faham akan menentang kerajaan," kata beliau.

Perdana Menteri berkata, walaupun pelajar tidak boleh mengundi, beliau percaya mereka boleh mempengaruhi pengundi terutama ibu bapa masing-masing.

"Ramai pelajar pulang ke kampung untuk menghias ibu bapa mereka. Mereka tidak faham tetapi sekarang mereka tahu mengapa kerajaan tidak boleh terima Anwar," katanya.